

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



LAPORAN TAHUNAN 06

Annual Report



LG
173
.M44
.U55
2006
raf
n5

raf

LG173.M44.U55



0000044964

Laporan tahunan 2006 =annual report : Universiti Teknikal
Malaysia Melaka / Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

44964 (n5)
(A.K)



LAPORAN TAHUNAN 2006 ANNUAL REPORT
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



KANDUNGAN CONTENT

VISI, MISI & MOTO VISION, MISSION & MOTTO	5
OBJEKTIF PENUBUHAN UNIVERSITI OBJECTIVES OF UNIVERSITY ESTABLISHMENT	6
DASAR KUALITI QUALITY POLICY	7
CANSELOR CHANCELLOR	8
NAIB CANSELOR VICE CHANCELLOR	9
CARTA ORGANISASI UNIVERSITI UNIVERSITY ORGANISATIONAL CHART	10
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI THE UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS	11
UTeM SEPINTAS LALU UTeM AT A GLANCE	15
SENARAI FAKULTI/ PUSAT/ INSTITUT LIST OF FACULTIES/ CENTRES/ INSTITUTES	19
PENGURUSAN UNIVERSITI THE UNIVERSITY MANAGEMENT	23
LAPORAN NAIB CANSELOR VICE CHANCELLOR'S REPORT	27
HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA ACADEMIC & INTERNATIONAL AFFAIRS	37
HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR STUDENT AFFAIRS & DEVELOPMENT	49
PEMBANGUNAN KAMPUS & PRASARANA CAMPUS & FACILITIES DEVELOPMENT	55
PENYELIDIKAN & INOVASI RESEARCH & INNOVATION	63
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN HUMAN RESOURCES MANAGEMENT & ADMINISTRATION	73
DIARI PERISTIWA DIARY OF EVENTS	82
LAPORAN KEWANGAN FINANCIAL REPORT	89

Laporan Tahunan ini disediakan secara bersama dengan wakil-wakil Pusat Tanggungjawab dan Jawatankuasa Penyunting iaitu :

Penaung : Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan ; **Penasihat** : Puan Kalthom binti Husain ; **Ketua Penyunting** : Encik Marwan bin Abu Kasim, Encik Mahadi bin Abu Hasan ; **Editor** : Dr. Izaidin bin Abdul Majid, Prof. Madya Md. Zawawi bin Shamroz @ Shamnor, Encik Abd. Aziz bin Mustafa, Cik Noor Azlin binti Bidin, Cik Razilah binti Abdul Rahim, Encik Rajendraan A/L Elangsegaran, Puan Lee Mei Ph'ng, Puan Zanariah binti Jano, Cik Noor Maslian binti Othman @ Abdul Halip, Encik Mohd Shahr bin Hj. Akashah, Puan Noraini binti Zabidin, Puan Junaidah binti Badar, Encik Deenoo Aizad Abadi bin Md Noh, Encik Ruzaiman bin Abdul Rahman ; **Rekaletak & Grafik** : Puan Aziza binti Md Buang, Puan Ruziah binti Ali ; **Fotografi** : Encik Md Nor bin Mohamad Saleh, Puan Nurulidayu binti Talib ; **Urus Setia** : Puan Hanita binti Talib, Puan Maswatee binti Abdul Gaffar, Cik Kamisah binti Saleh, Cik Norwani binti Rezuan, Cik Nurul' Ain binti Rahmat @ Rahamat





VISI
 Menjadi Universiti Teknikal
 Yang Kreatif Dan Inovatif
 Terkemuka Di Dunia

VISION
 To Be One of The World's Leading
 Innovative and Creative Technical
 Universities

MISI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah
 Murni, Kompeten dan Berketerampilan Tinggi
 Melalui Pendidikan Universiti Teknikal
 Berkualiti dan Bertaraf Dunia
 Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran dan
 Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi
 Dengan Perkongsian Pintar Universiti-Industri
 Sejajar Dengan Aspirasi Negara

MISSION
 To Produce Highly Competent
 Professionals Through Quality and World Class
 Technical University Education Based on
 Application-Oriented Teaching,
 Learning and Research with Smart
 University Industry Partnership In
 Line with National Aspirations

MOTO
 Kompetensi Teras Kegemilangan

MOTTO
 Excellence Through Competency

Nota : Dalam Laporan Tahunan 2006, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan dirujuk sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 Notes : In this Annual Report, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) will be referred as Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



OBJEKTIF PENUBUHAN UNIVERSITI

1. Menjadi sebuah organisasi pembelajaran dan keilmuan yang kreatif dan inovatif menawarkan program akademik dalam bidang kejuruteraan & teknologi berorientasikan aplikasi dan amalan.
2. Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan / inovasi dan perundingan yang berlandaskan keperluan industri.
3. Melahirkan graduan yang kompeten dan bersahsiah murni yang menjadi pilihan utama industri.
4. Mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta memiliki pengalaman praktikal yang luas.
5. Memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara.
6. Mengadakan kerjasama dan perkongsian pintar universiti-industri.
7. Mengadakan prasarana persekitaran yang kondusif untuk menjana dan mengekalkan kecemerlangan.
8. Melaksanakan penggunaan ICT secara menyeluruh dan meluas dalam aktiviti akademik dan pengurusan universiti.

OBJECTIVES FOR UNIVERSITY ESTABLISHMENT

1. To become a creative and innovative learning and knowledge organization offering practise and application oriented academic programmes in engineering and technology.
2. To lead in activities related to research and development, commercialization/ innovation and consultancy based on industry requirements.
3. To produce competent graduates with good moral who are the preferred choice of industry.
4. To have staff who are competent, highly qualified and possess vast practical experience.
5. To play effective roles as impetus to the nation's industrial development.
6. To forge university industry collaboration and smart partnership.
7. To provide conducive environment infrastructure to generate and sustain excellence.
8. To implement ICT applications in a holistic way in academic and management of the university.





UTeM

DASAR KUALITI

اوبونرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

Semua warga UTeM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

QUALITY POLICY

Everyone in UTeM is committed to quality in rendering services, teaching & learning, research consultancy and community services and strives for continuous quality enhancement.




CANSELOR CHANCELLOR



**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI PERTUA NEGERI MELAKA
TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL YAAKOB**
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P., P.S.M., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., D.S.A.P.,
J.S.M., S.M.P., G.C.O.M. (GER)



**NAIB CANSOLOR
VICE CHANCELLOR**



DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR
VICE CHANCELLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



CARTA ORGANISASI UNIVERSITI

UNIVERSITY'S ORGANISATIONAL CHART





LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
The University Board of Directors

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI THE UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
CHAIRMAN OF BOARD OF DIRECTORS**

Y.BHG.TAN SRI DATO' SERI (DR.) MOHD SALEH BIN SULONG

Penasihat/Advisor of Master-Defence (M) Sdn. Bhd.



**Y.BHG. DATUK IR.
MD. SIDEK BIN AHMAD**

Naib Presiden Kanan
(Operasi & Teknikal)
Vice President
(Operation & Technical)
Tenaga Nasional Berhad



**Y.BHG. DATUK ABDUL RAMAN
BIN HJ. SAAD**

Rakan Kongsi Pengurusan
Managing Partners
Abdul Raman Saad & Associates

Sehingga 31.03.2006



IR. AB. WAHAB BIN CHIK

Jurutera Kanan
Senior Engineer
Kementerian Kewangan Malaysia

Sehingga 16.11.2006

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Y.BHG. DATUK HAJI
KAMARUDDIN BIN AWANG**

Pengerusi Eksekutif
Executive Chairman
Suremax Group Berhad



**Y.BHG. DATUK PROF. ISMAIL
BIN HASSAN**

Naib Canselor
Vice Chancellor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



**Y.B. DATUK WIRA ISMAIL
BIN SALEH**

Setiausaha
Kerajaan Negeri Melaka
State Secretary of Melaka





**PROF. MADYA DR. MOHAMED
NASSER BIN MOHAMED NOR**

Pengarah
Bahagian Pemasaran dan Pendidikan
Antarabangsa
Jabatan Pengurusan IPT
Director
International Marketing and Education
Division



**Y.BHG. DATUK HJH. HAZIZAH
BINTI HJ. MOHD SULTAN**

Ketua Pergerakan Wanita UMNO
Negeri Melaka &
Pengurus Syarikat Zaria Sdn. Bhd.
Chief Movement of Wanita UMNO
& Manager of Zaria Sdn. Bhd.

Mulai 1.08.2006

**Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD
SALIMI BIN ISMAIL**

Setiausaha Bahagian Pembangunan
Secretary of Development Division
Kementerian Pengajian Tinggi

Sehingga 28.06.2006

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**AHLI GANTI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ALTERNATE MEMBER
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION**

**SETIAUSAHA
SECRETARY**



**ENCIK AHMAD NAZRI BIN
SULAIMAN**

Ketua Penolong Pengarah Kanan
(Bahagian Akademik)
Senior Principal Assistant Director
(Academic Division)
Jabatan Pengurusan IPT

Sehingga 16.11.2006



ENCIK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar
Registrar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



UTeM SEPINTAS LALU
UTeM At A Glance

UTeM SEPINTAS LALU

UTeM ditubuhkan di bawah sekyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Perbadanan 2001) yang diwartakan sebagai P.U. (A) 124 pada 3 Mei 2001. Penubuhannya adalah berkuatkuasa pada 1 Disember 2001.

Universiti ini ditubuhkan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan itu dalam bidang pengajian itu.

Penubuhan UTeM bertitik-tolak daripada keputusan kerajaan untuk memenuhi keperluan industri masa depan terhadap sumber tenaga profesional bidang teknikal yang bukan saja mempunyai pengetahuan akademik yang mantap tetapi juga mempunyai keterampilan dan kemahiran teknikal yang tinggi. Sumber tenaga seperti ini adalah amat penting kepada Negara ke arah mencapai wawasan Negara maju.

Pada tahun 2007, Universiti merancang bagi mewujudkan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA), Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Penerbit Universiti dan Institut Pengurusan Teknologi Keusahawanan (IPTK) yang akan beroperasi di Kampus Bandar.

UTeM telah memulakan pengajiannya pada 10 Jun 2001 dengan pengambilan pelajar perintis seramai 348 orang dan sekarang ini jumlah pelajar telah melebihi 5,400 orang. UTeM mensasarkan enrolmen seramai 10,000 menjelang 2010.




UTeM AT A GLANCE

UTeM is established under Section 20 of the University & University Colleges Act 1971 (Act 30) under the order of Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Incorporated 2001) which was gazetted as P.U. (a) 124 on 3 May 2001. The formation of the University College is effective from 1 December 2000.

This university is founded to establish, to advance higher institution in science and technology and other necessary disciplines; to carry out research and to gather and advance knowledge and to disseminate knowledge in those disciplines.

The establishment of UTeM is in accordance with the government's decision to cater for the industrial sectors in the future, which requires professional technical human resources who are not only highly qualified academically but also highly skilful and efficient. The country needs qualified human resources in order to achieve our vision as a developed country.

The inaugural academic session began on 10 June 2001 with the first intake of 348 students. As of the year 2006, the student's enrolment has exceeded 5,400 students. UTeM sets its target to recruit 10,000 students by the year 2010.





UTeM

SENARAI FAKULTI/ PUSAT/ INSTITUT
List of Faculties/ Centres/ Institutes

SENARAI FAKULTI / PUSAT/ INSTITUT

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan
Kejuruteraan Komputer

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Fakulti Teknologi Maklumat Dan
Komunikasi

Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Siswazah

Pusat Universiti Industri

Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran

Institut Pengurusan Teknologi Dan
Keusahawanan



LIST OF FACULTIES/ CENTRES/ INSTITUTES

Faculty of Electrical Engineering

Faculty of Electronics and Computer
Engineering

Faculty of Mechanical Engineering

Faculty of Manufacturing Engineering

Faculty of Information and
Communication Technology

Centre for Languages and Human
Development

Centre for Graduate Studies

University Industry Centre

Centre for Teaching and Learning

Institute of Technology Management and
Entrepreneurship





PENGURUSAN UNIVERSITI
University Management

PENGURUSAN UNIVERSITI THE UNIVERSITY MANAGEMENT



Y.BHG. DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN
Naib Canselor
Vice Chancellor



Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Deputy Vice Chancellor
(Academic & International)



Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
Deputy Vice Chancellor
(Research & Innovation)



Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD. NOR BIN HUSAIN
Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Dean of Student Affairs & Alumni



EN. HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Registrar



EN. KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari
Bursar



CIK SITI NOOR KIAH BT SYED ABDUL MALEK
Pemangku Ketua Pustakawan
Acting Chief Librarian



PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Dean Faculty of Electrical Engineering



PROF. MADYA ABDUL RANI BIN OTHMAN
Pemangku Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &
Kejuruteraan Komputer
Acting Dean
Faculty of Electronics &
Computer Engineering



**PROF. DR. MOHD. RAZALI
BIN MUHAMAD**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
Dean
Faculty of Manufacturing Engineering



**PROF. MADYA DR. MD. RADZAI
BIN SAID**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Dean
Faculty of Mechanical Engineering



**PROF. MADYA DR. SHAHRIN BIN
SAHIB@SAHIBUDDIN**
Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
Dean
Faculty of Information & Communication
Technology



**PROF. MADYA DR. HANIPAH
BINTI HUSSIN**
Dekan
Pusat Bahasa & Pembangunan Insan
Dean
Centre for Languages & Human
Development



**PROF. DR. HJ. MOHD. TAIB BIN
HJ. DORA**
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Dean
Centre for Graduate Studies




PROF. DR. SALLEH BIN YAHYA
Dekan
Institut Pengurusan Teknologi &
Keusahawanan
Dean
Institute of Technology Management &
Entrepreneurship



PROF. MADYA JASMIN BINTI BABA
Pemangku Dekan
Pusat Universiti Industri
Acting Dean
University Industry Centre





**PROF. MADYA DR. ZOLKEPLI
BIN BUANG**
Pegarah
Pusat Pengajaran & Pembelajaran
Director
Centre for Teaching & Learning



**PROF. MADYA SHAHDAN BIN
MD. LANI**
Pegarah
Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi
Director
Centre for Quality Assurance &
Accreditation



PUAN HJH. NORAIDA BINTI ATTAN
Pegarah
Pejabat Pembangunan &
Pengurusan Aset
Director
Development & Asset Management
Office



EN. MOHD ISA BIN MOHD. DOM
Pegarah
Pusat Komputer
Director
Computer Centre



**PUAN HJH. FARIDAH BINTI HJ.
MD. AMIN**
Pegarah
Penerbit Universiti
Director
University Publication



LAPORAN NAIB CANSOLOR
Vice Chancellor's Report

LAPORAN NAIB CANSOLOR VICE CHANCELLOR'S REPORT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga universiti yang telah berusaha gigih bersama-sama saya untuk membangun dan membina Universiti yang kita sayangi. Tanpa kerjasama dan sokongan padu daripada seluruh warga universiti, UTeM tidak mungkin mencapai pembangunan yang membanggakan pada tahun 2006.

Setelah meletakkan UTeM pada landasan terbaik pada tahun sebelumnya, maka pada tahun ini UTeM dapat menuai hasil dengan memperoleh banyak kemajuan, kejayaan dari aspek fizikal dan insaniah di samping peningkatan di dalam bidang akademik, pengurusan sumber manusia, pembangunan pelajar, pembangunan infrastuktur dan kekukuhan pengurusan kewangan.

Keunggulan dari pencapaian ke arah kejayaan ini adalah berasaskan kepada pelaksanaan yang dinamik dan berkesan melalui 8 Objektif Pelan Strategik 2006-2010 yang merangkumi semua aspek pembangunan universiti. Kesepakatan dan kesungguhan untuk melaksanakan perkara yang dirancang dalam Pelan Strategik UTeM oleh semua warga universiti telah benar-benar direalisasikan demi mencapai kejayaan yang cemerlang.

Kualiti akademik berterusan dalam bidang pendidikan sentiasa menjadi keutamaan universiti. Pada tahun 2005, UTeM telah meletakkan pencapaian terbaik dalam Pensijilan Kualiti MS ISO 9001: 2000 (Rekabentuk, Pembangunan Program Pendidikan dan Penyampaian Pendidikan) di peringkat Sarjana Muda terus mengekalkan pengiktirafan ini pada tahun berikutnya.

Akreditasi

Pada tahun 2006 juga, aspek akreditasi melalui kesemua program ditawarkan iaitu Program Diploma dan Sarjana Muda Sains Komputer telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala, empat Program Sarjana Muda Kejuruteraan iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri), Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri), Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal Bendalir) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) juga telah mendapat akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia (*Board of Engineering – BEM*).

I would like to take this opportunity to express my hearty gratitude to all staff of UTeM whose hard work and determination have helped to develop and further improve our beloved university. With the strong commitment and support from all, UTeM has achieved tremendous success throughout the year 2006.

Having been placed on its finest platform in the previous years, the university continues to yield more more successes and carries on to progress in the aspects of physical and humanistic development while at the same time maintains to improve the management of academic affairs and human resource, the development of students and infrastructures as well as to strengthen the financial administration.

The excellent strive towards achieving succes is in line with the eight objectives drawn in the 2006-2010 Strategic Planning which encompasses all aspects of developing the university. All members of staff have been united in ensuring that the execution of the plans is made a reality to guarantee excellent success.

Enduring quality in the academic fields has always been the university's priority. In the year 2005, UTeM managed to secure the quality certification of MS ISO 9001: 2000 (Design, Educational Programmes Development and Education Delivery) at the Bachelor's level and this was maintained throughout the year 2006.

Accreditation

In the year 2006, all Diploma and Bachelor in Computer Science programmes were given recognition by the Public Service Department (JPA). Four Bachelor programmes in Engineering namely Bachelor of Electronic Engineering (Industrial Electronic), Bachelor of Electrical Engineering (Industrial Power), Bachelor of Mechanical Engineering (Thermal Fluids) and Bachelor of Manufacturing Engineering (Manufacturing Process) were also given accreditation by the Board of Engineers Malaysia (BEM).





Enrolmen Pelajar

Seramai 1,344 orang pelajar baru telah mendaftar bagi sesi akademik 2006/07. Ini menjadikan enrolmen pelajar pada tahun 2006 ialah seramai 5,084 orang iaitu masing-masing 26 orang pelajar Doktor Falsafah (PhD), 101 Sarjana, 4,215 Sarjana Muda dan 742 Diploma. Universiti juga telah menetapkan sasaran bilangan pelajar seramai 10,000 orang menjelang tahun 2010.

Pada sesi ini, universiti menawarkan 5 program Diploma dan 20 program Sarjana Muda. Di samping itu, semua Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) turut menawarkan program Sarjana dan Doktor Falsafah melalui Kaedah Penyelidikan manakala Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) pula menawarkan Program Sarjana Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Teknologi) / MBA (*Technology Management*) secara Kerja Kursus. UTeM juga turut mengendalikan Program MSc. *In Engineering Business Management* dan *Manufacturing Engineering* melalui usahasama universiti luar negara iaitu dengan Coventry University, United Kingdom.

Konvokesyen

Majlis Konvokesyen Kedua UTeM telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2006 bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka dengan penuh gilang gemilang. Konvokesyen ini menyaksikan seramai 997 ahli profesional dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat iaitu seorang graduan Sarjana, 730 Sarjana Muda dan 266 Diploma telah berjaya dilahirkan. Sehingga kini, sejumlah 1,469 graduan telah berjaya dikeluarkan oleh universiti bagi memenuhi keperluan

Student Enrolment

In the academic session of 2006/2007 alone, a total of 1,344 new students registered at the university. Thus, the total enrolment of the university now is 5,084 (26 - PhD, 101- Masters, 4215-Bachelor and 742 -Diploma). The university also sets a target of an enrolment of 10,000 students by the year 2010.

For this session, the university offered 5 Diploma and 20 Bachelors programmes. All the Engineering faculties and the Faculty of Information Technology and Communication (FTMK) offered both programmes at Masters and PhD level by research. Meanwhile, the Institute of Technology Management and Entrepreneurship (IPTK) offered Masters courses in Business Management (MBA) and Technology Management by coursework. In addition, UTeM offered M.Sc programmes in Engineering Business Management and Manufacturing Engineering through collaboration programme with the Coventry University, United Kingdom.

Convocation

The 2nd Convocation of the university was held on 5th and 6th August 2006 at the Seri Negeri Hall, Ayer Keroh, Melaka, 997 graduates were conferred their degrees in their respective areas; one Master graduate, 730 Bachelor and 266 Diploma graduates. Presently, a total of 1469 graduates have been produced by this university so as to fulfil the needs of professional manpower in the industrial and engineering sectors.





tenaga kerja profesional dalam sektor industri dan kejuruteraan.

Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

Penekanan dalam aspek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) turut diberi perhatian oleh Pengurusan Universiti. Pusat Universiti Industri (UNIC) dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan semua aktiviti yang berkaitan dengan R&D. Sebanyak 98 geran penyelidikan jangka pendek telah berjaya diperolehi pada tahun ini dengan nilai RM1,659,692.00. Sebanyak dua projek bernilai RM369,350.00 telah diperolehi melalui peruntukan *Science Fund*, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Universiti juga turut menerima sejumlah RM110,331.00 di bawah dana *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Tahun 2006 juga menyaksikan UTeM turut mengambil bahagian dalam beberapa pameran penyelidikan, rekabentuk dan inovasi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kesemua ini telah mendorong minat dan motivasi kepada para penyelidik untuk bergiat aktif dalam aktiviti R&D. Antara kejayaan yang membanggakan UTeM ialah kejayaan semasa penyertaan *34th International Exhibition of Innovation New Techniques and Product Geneva, Switzerland* yang merangkul satu pingat emas dan dua pingat perak.

Pengkomersilan

Aktiviti pengkomersilan, inovasi dan perundingan kini amat dominan dengan Universiti. Selain menjana sumber pendapatan universiti, ia juga dapat mengangkat nama UTeM sebagai sebuah Universiti yang berjaya mengkomersilkan penyelidikan yang dilakukan serta menawarkan kepakarannya kepada masyarakat. "*Air Pressure Plug*" yang memenangi pingat emas di Geneva pada tahun ini telah dipatenkan. Produk ini telah menarik minat sebuah syarikat tempatan untuk

Research and Development (R&D)

The area of research and development (R&D) has been given emphasis by the university. University Industry Centre (UNIC) has been given the responsibility to oversee all activities related to R&D. A total of 98 short term research grants were secured this year with a total value of RM1,659,692.00. Two projects worth RM369,350.00 were funded by the Science Fund allocation, Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). The university also received RM110,331.00 allocations under the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) from the Ministry of Higher Learning (MOHE).

In the year 2006 UTeM took parts in many research, product design and innovation exhibitions, at both national and international levels. This helped to uplift the spirit and motivations amongst UTeM's researchers to be proactive in R&D activities. One of the successes achieved was when UTeM won three medals, one gold and two silver, at the 34th International Exhibition of Innovation New Techniques and Product which was held in Geneva, Switzerland.



Commercialisation

Commercialisation, innovation and consultation activities are central to the university. Besides securing income for the university it also glorifies UTeM as a university that is successful in commercialising its researches and is also able to offer its expertise to the community. Such a good example is the invention of the "*Air Pressure Plug*" which won gold medal in Geneva. It was later patented this year. This product attracted a



mengkormesialkannya di pasaran melalui perjanjian yang ditandatangani bagi tujuan tersebut.

Bagi memantapkan lagi aktiviti pengkomersilan, Universiti telah menubuhkan Syarikat KUTKM Holding Sdn Bhd (KHSB) pada Ogos 2006. Syarikat ini merupakan milik penuh universiti dengan modal dibenarkan RM500,000 yang menjalankan aktiviti pelaburan dan perniagaan mengikut garis panduan pelaburan IPTA yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Walaupun aktiviti perundingan masih di peringkat permulaan tetapi ianya telah menunjukkan peningkatan dari segi bilangan dan nilai perundingan. Aktiviti perundingan dijangka semakin rancak pada tahun hadapan apabila beberapa perbincangan terakhir dijangka dimuktamadkan pada awal tahun tersebut, dan ini akan meningkatkan nilai perundingan yang begitu ketara pada tahun 2007.

Pembelajaran dan Pengajaran

Universiti mengamalkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan Aplikasi dan Amalan. Sistem ini dapat memenuhi objektif penubuhan universiti yang antaranya adalah bertujuan memenuhi sumber guna tenaga industri. Selain dari itu

local company to commercialise it through an agreement signed with the university.

To enhance commercialization activities UTeM had set up KUTKM Holdings Sdn. Bhd. (KHSB) in August 2006. This company is fully owned by the university with paid-up capital of RM500,000.00 to run its business and investment activities in line with the Public Higher Education Institution (IPTA) investment guideline ruled by MOHE.

Even though consultation activities are still at its infancy stage, signs of improvement in terms of quantity and value of consultations are already showing. The consultation activities are expected to expand in the following year when a few agreements get to the final stage at the beginning of the year thus leading to evident increase in the value of consultation in the year 2007.

Teaching and Learning

The university is adopting a teaching and learning system through the concept of application and practice. The system ensures the objectives of the establishment of the university are met. Among others, the university is to produce human resource for the industry. Henceforth, the objectives are reinforced by creating smart

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



objektif ini dimantapkan dengan mewujudkan kerjasama pintar dengan pihak industri bagi memperoleh maklumbalas penting dalam merangka program akademik yang ditawarkan.

Perjanjian Persefahaman

Pada tahun-tahun sebelumnya, universiti telah pun mempunyai sebanyak sembilan perjanjian persefahaman dengan industri. Pada tahun ini telah menandatangani tiga lagi perjanjian persefahaman dengan dua industri tempatan iaitu MAHR (M) Sdn Bhd dan DMDI International Education Sdn Bhd.; dan satu industri luar negara iaitu Imai Aero-Equipment Mfg. Co. Ltd., (IAC) Jepun. Perjanjian persefahaman ini merangkumi aspek Penyelidikan dan Pembangunan Pembangunan Staf, Latihan Industri dan lain-lain.

UTeM juga mengambil langkah ke hadapan dengan menubuhkan Panel Penasihat Industri (*Industrial Advisory Panel - IAP*) pada Sept 2006. Panel IAP ini dianggotai oleh tokoh-tokoh industri dari Jerman, Jepun, Australia, England dan Malaysia yang berperanan menasihati universiti berkaitan pendekatan dan halatuju bagi mengeratkan hubungan Universiti dengan Industri. Langkah ini dapat memperteguhkan program akademik yang ditawarkan supaya sentiasa relevan dengan kehendak industri semasa.

Pembangunan Staf

Jumlah staf pada tahun ini ialah seramai 1,138 orang di mana 531 orang ialah staf akademik dan 607 orang staf pentadbiran dan sokongan. Pihak universiti sentiasa memberi perhatian penuh terhadap aspek pembangunan sumber manusia bagi merealisasikan matlamat membentuk pekerja yang berpengetahuan (*K-Workers*). Bagi tujuan tersebut, pihak universiti telah berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga universiti dengan menganjurkan latihan yang berbentuk kursus, seminar, bengkel, kolokium, pembentangan kertas kerja dikendali dan diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Penekanan terhadap pembangunan staf akademik amat penting dengan memastikan golongan ini bukan sahaja memiliki pengetahuan yang tinggi tetapi juga berpengalaman luas dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P & P). Bagi meningkatkan keserjanaan ilmu ini, UTeM telah menghantar 30 orang staf akademik melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana dan 48 orang pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) sama ada dalam dan luar negara. Pada tahun ini seramai 24 orang staf telah menamatkan pengajian masing-masing iaitu 22 Sarjana dan dua Doktor Falsafah. Ini telah membantu mencapai matlamat universiti untuk mempunyai 50%

partnership with the industry and the university gains feedback from them in order to plan and restructure the academic programmes to be offered.

Memorandum of Understanding

Prior to this the university had already concluded ten mutual agreements with industry. This year the university succeeded in signing two more agreements with two local industries, which are MAHR (M) Sdn Bhd and DMDI International Education Sdn Bhd., and an agreement with a foreign company from Japan, i.e., Imai Aero-Equipment Mfg. Co. Ltd. These agreements incorporate the aspect of R&D staff development and industrial training.

UTeM took another front leap with the establishment of the Industrial Advisory Panel (IAP) in September 2006. The IAP panels are prominent industrialists from Germany, Japan, Australia, England and Malaysia where their role is to give advice to UTeM in its approach to



establish cordial relationship with industries. This step will secure the academic programmes offered by the university as to be always relevant with the need of the industries.

Staffing

The year 2006 saw the university being run by 1138 staff of which 531 are academicians while 607 are administrative and support staff. The university is always in focus with regards to human resource development in realizing the aim of developing knowledgeable staff (*K-workers*). For that purpose, the university has been conducting workshops, seminars and colloquiums as well as paperwork presentations, organized and coordinated by Human Resource Development Unit of the Registrar's office.

staf akademik memiliki ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2010.

Penempatan Industri

Satu lagi usaha yang telah dilakukan bagi mencapai matlamat ini ialah dengan mengadakan Skim Sangkut Industri. Ini bagi membolehkan mereka memperolehi pengalaman industri yang praktikal sama ada sebagai pakar runding dan pakar rujuk di dalam industri atau projek-projek tertentu. Di samping itu kemahiran dalam aspek P & P juga diberi penekanan supaya para ahli akademik mempunyai keupayaan dalam menyampaikan kuliah secara berkesan dan dinamik. Aspek P&P ini sentiasa diperteguhkan melalui 10 kursus Pengajaran dan Pembelajaran yang dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran.

Seminar

UTeM turut menganjurkan dua seminar pada peringkat Kebangsaan iaitu Seminar Kebangsaan Sains dan Aplikasi Sains dalam Industri (SSASI 2006) pada 14 & 15 Februari dan *National Conference on Design and Concurrent Engineering (DECON)* pada 9 hingga 10 Ogos melalui pembudayaan ilmu di kalangan ahli akademik. Seminar ini terbuka kepada masyarakat umum dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan ahli akademik serta industri.

Penerbitan

Aktiviti penerbitan pula telah diselaraskan oleh Penerbit Universiti dan antara aktiviti yang dilakukan ialah menerbitkan buku, jurnal, prosiding, siri modul pengajaran dan pembelajaran serta keluaran khas atau berkala seperti majalah *Momentum* dan *Synergy*. Pada tahun ini, Universiti telah berjaya menerbitkan 14 buah buku dan satu jurnal keusahawanan yang bertaraf antarabangsa dalam dua keluaran.

Emphasis is also given to the development of the academic staff. It is important that they are to ensure that they are not only knowledgeable but are also equipped with extensive experience in Teaching and Learning aspects. To further enhance their skills, the university had sent 30 staff to further their studies at Master level and 48 at PhD level both locally and overseas. In 2006, 22 staff have completed their Masters studies while another 2 have completed their PhD. This is in line with the university's mission of seeing 50% of its academic staff possessing PhD's by the year 2010.

Industrial Attachment

Another approach adopted by the university is staff industrial attachment. This is to ensure they gain industrial practical experience as industry consultant for relevant projects. At the same time, the university also focuses on teaching and learning skills so as to produce staff who acts as efficient knowledge transmitter in classroom teaching. The aspect of improving teaching and learning skills are looked into in the 10 Teaching and Learning courses organized by The Centre for Teaching and Learning.



Universiti kini berhadapan dengan cabaran untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi, tetapi juga bersahsiah murni, matang, berkemahiran dan bersemangat waja. Penguasaan dalam aspek kemahiran insaniah juga turut difokuskan supaya mahasiswa UTeM mampu menghadapi gelombang globalisasi di samping bersedia menerima perubahan yang berlaku pada masa hadapan.

Bagi merealisasikan matlamat ini, UTeM telah menubuhkan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pada 1 Disember 2006. Pusat ini berperanan penting untuk menyediakan dan melaksanakan modul kemahiran insaniah iaitu dalam aspek komunikasi, penguasaan bahasa, kompetensi, kreativiti, penampilan diri dan kerja berpasukan seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Aktiviti-aktiviti kokurikulum digalakkan kepada pelajar sama ada dalam bentuk kesukanan, kebudayaan, pasukan beruniform, persatuan dan kelab. Aktiviti-aktiviti ini dikendalikan dan diselenggarakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Penubuhan Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis Diraja Malaysia (KOR SUKSIS) pada tahun ini merupakan satu sejarah penting apabila tertubuhnya satu pasukan beruniform yang pertama di UTeM.

Kampus

Pada masa ini universiti beroperasi di dua buah kampus iaitu Kampus Induk di Durian Tunggal dan Kampus Industri di Ayer Keroh, Melaka. Setelah dua fakulti disiapkan iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Pembangunan Fasa 2b diteruskan merangkumi Bangunan Canselori, Dewan Sukan, Stadium, Gelanggang dan Padang Terbuka. Kesemua pembangunan ini sedang berjalan lancar mengikut jadual di bawah pemantauan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset.

UTeM juga akan mempunyai satu lagi kampus iaitu Kampus Bandar yang terletak di bekas Bangunan Wisma Negeri, Jalan Hang Tuah, Melaka apabila perjanjian penyewaan dengan Yayasan Melaka dimeterai pada 28

Seminars

UTeM managed to organise two seminars at national level. They are The National Seminar on Science and Its Application in Industry (SSASI 2006) held on 14th and 15th February 2006 and The National Conference on Design and Concurrent Engineering (DECON), held on 9th, and 10th August 2006. Both seminars were opened to the public and received encouraging supports from both academicians and industries.

Publications

All publications at UTeM are under the supervision of the University Press. The publications are of books, journals, proceedings, teaching and learning module series, periodic publication such as the Momentum and Synergy. The university published 14 books and two volumes of journal on entrepreneurship (international level) in 2006.

Human Capital Development

The university is now facing the challenge of producing the first class human capitals. They are not only expected to be high academic achievers, but also to possess good moral values, maturity, and skilful with high spirit. The university is also striving seriously to inculcate various aspects of generic skills amongst the students so that they will be able to meet the global challenges besides tolerating changes in the future.

To realise this objective, UTeM had established the Centre for Languages and Human Development (PBPI) on 1st December 2006. This centre plays an important role in preparing and implementing the generic skills module, i.e., in the aspects of communication, language acquisition, competency, creativity, self image and team work in meeting the aspirations of MOHE.



Co-curricular activities are encouraged in the forms of sports, culture, students uniformed bodies, organisations and clubs. The activities are coordinated by the Student Affairs and Alumni Department and the Students Representative Council. The Students Voluntary Police Corps was the first students' uniform organisation in UTeM. It was formed in the year 2006.

Julai 2006. Ini akan memberi peluang kepada UTeM untuk memperluaskan peranannya sebagai institusi keilmuan.

Kampus Bandar dijangka dapat diduduki pada Julai 2007 setelah kerja-kerja pengubahsuaian disempurnakan. Beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan ditempatkan di Kampus Bandar iaitu Institut Teknologi Pengurusan dan Keusahawanan, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Penerbit Universiti, Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi serta satu PTJ baru iaitu Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat. Aktiviti-aktiviti yang bercorak ilmiah seperti kursus, seminar jangka pendek, konvensyen dan program eksekutif akan diadakan di kampus ini.



Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan universiti sentiasa diperkemaskan bagi meningkatkan kecekapan dan kepuasan pengguna. Pada tahun ini Pejabat Bendahari memperkenalkan *Queue Management System (QMS)* bagi memberi perkhidmatan yang lebih cepat kepada pelanggan di bahagian kaunter. Selain itu beberapa Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) ditempatkan di PTJ utama yang terlibat secara langsung dengan urusan kewangan seperti penyelidikan dan perundingan.

Prestasi kewangan universiti berada dalam kedudukan yang kukuh. Pendapatan mengurus 2006 adalah RM109,094,233 iaitu bertambah sebanyak 3.32% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah pendapatan mengurus sebanyak RM94,154,800 (86.31%) merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan baki RM14,939,433 (13.69%) diperoleh daripada pelbagai sumber iaitu yuran pengajian, sewaan dan pelbagai pendapatan lain.

Perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM119,138,747 iaitu meningkat sebanyak 15.47% dan tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan bagi pembelian tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM3,796,896. Sejumlah RM2,000,000 daripada lebihan terkumpul peruntukan mengurus telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Penyelidikan bagi menampung aktiviti penyelidikan Universiti.

Campus

Currently, the university is operating at two campuses which are the main campus in Durian Tunggal and the industrial campus in Ayer Keroh, Melaka. Two faculties were already in operation at the main campus which are the Faculty of Electronic and Computer Engineering (FKEKK) and the Faculty of Electrical Engineering (FKE). Under phase 2b of the main campus in Durian Tunggal other facilities are still under construction. They are the chancellery building, sports complex, stadium, sports courts and an open field. The development of the construction of these facilities is under the supervision of the Asset Development and Management Office, UTeM.

A new branch of UTeM was opened at the former State Secretariat Building, Jalan Hang Tuah, Melaka. The City Campus was successfully established when a lease agreement with Melaka Foundation was finalised on 28th July 2006. This provides UTeM with a broader scope in its role as a knowledge institution.

This city campus is likely to be fully utilised by July 2007 when the renovation is completed. Offices such as the Institute for Technology Management and Entrepreneurship, Centre for Teaching and Learning, University Press, Centre for Quality and Accreditation and a new office which is the Centre for Continuing Education will be sited at the city campus. Activities such as workshops, seminars, conventions and executive programmes will be held here.

Financial Management

The financial management of the university is kept updated at all the time so as to provide efficient and satisfactory services to the clients. This year the Queue Management System (QMS) was introduced so as to provide efficient counter services. At the same time too, several accountants and financial administrative assistants were emplaced at several major departments. They are to perform financial duties regarding research and consultancy.

The university is financially stable. Management income in the year 2006 was at RM109,094,233 which is an increase of 3.2% from the previous year. Total operation income was at RM94,154,800 (86.31%) was allocated from the Federal Government and a balance of RM14,939,433 (13.69%) derived from many sources such as tuition fees, lease, and others.




Akhir sekali saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan usaha pembangunan UTeM sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Setinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah menjadi tonggak utama kepada pembangunan dan kejayaan yang telah dicapai oleh UTeM.

Kepada seluruh warga universiti saya mengharapkan kejayaan yang dicapai ini menjadi pendorong ke arah pencapaian yang lebih bermakna dan lebih gemilang pada masa hadapan. Sesungguhnya kepada kita telah diletakkan amanah untuk memacu UTeM ke arah kecemerlangan. Marilah kita berazam untuk mencapai visi universiti menjadikan UTeM sebagai Universiti Teknikal yang kreatif dan Inovatif terkemuka di dunia. Berkat kesungguhan dan berbekalkan keyakinan diri, Inshaallah matlamat murni ini akan tercapai.

Sekian, terima kasih

Datuk Profesor Ismail bin Hassan
Naib Canselor



Operation cost was at RM119, 138, 747, which was an increase of 15.47% and included capitalised expenditure for fixed purchases and construction works in progress valued at RM3, 796, 896. A total of RM2, 000, 000 excess funds from the total operation cost was transferred to research fund to support research activities of the university.

Last but not least, I wish to thank all quarters of the university who have actively assisted in the development of UTeM both directly and indirectly. I would like to express my highest gratitude to MOHE for being the main pillar for the development and achievements thus far attained by UTeM.

To the university's community I would like to see that the successes achieved would lead us to a more glorious achievement in the near future. Indeed, the trust was granted for us to bring UTeM to the highest peak. So let us perform this task collaboratively so as to realise the vision of becoming a creative and innovative university on the globe. With high spirit and determination, God willing this noble vision will be achieved.

Thank you.

Datuk Profesor Ismail bin Hassan
Vice Chancellor

اؤنڨر سٽيٽيٽيڪنڨيڪل مليسيا ملاڪ
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





UTeM

HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA
Academic & International Affairs

HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA ACADEMIC & INTERNATIONAL AFFAIRS


Enrolmen Pelajar

Pada sesi 2006/07, seramai 1,344 pelajar baru telah mendaftar di UTeM. Pecahan mengikut fakulti adalah seperti carta di bawah.

Student Enrolment

In the 2006/2007 academic session, 1344 new students enrolled in UTeM in various faculties. The distribution is shown in chart below.

Carta 1 : Kemasukan Pelajar Tahun 2006 Mengikut Fakulti
Chart 1 : Student's Enrolment For The Year 2006 By Faculties



FKE : Fakulti Kejuruteraan Elektrik

FKEKK : Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer

FKM : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

FKP : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

FTMK : Fakulti Teknologi Maklumat & Komputer

FKE : Faculty of Electrical Engineering

FKEKK : Faculty of Electronic and Computer Engineering

FKM : Faculty of Mechanical Engineering

FKP : Faculty of Manufacturing Engineering

FTMK : Faculty of Information and Communication Technology

Konvokesyen

Universiti berusaha untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik dan memiliki sahsiah murni, mulia serta mempunyai jati diri yang seterusnya menjadi aset kepada masyarakat dan negara. Majlis konvokesyen kedua telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2006 bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Melalui konvokesyen ini UTeM telah berjaya melahirkan seramai 997 orang graduan di peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

Convocation

The university aims to produce graduands who excel in both academics and self development so that they become valuable assets to the community at large. In this aspect, the 2nd Convocation of the university was held for two days from 5 to 6 August 2006 at the Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. UTeM successfully produced 997 graduands at three levels; Diploma (266 graduands), Bachelor Degree (730 graduands) and Masters Degree (one graduand).

Pecahan mengikut bidang adalah seperti jadual dan carta 2 di bawah:

Chart 2 below illustrates the graduands distribution.

Carta 2 : Bilangan Graduan Mengikut Program
Chart 2 : Number Of Graduands By Programmes


Program Programme	Jumlah pelajar Total
Diploma Diploma	266
Sarjana Muda Bachelor Degree	730
Sarjana Masters	1

Pelajar Pasca-Siswazah

Universiti juga turut menawarkan program pengajian pada peringkat pasca-siswazah. Penawaran program pengajian ini ditawarkan secara kerja kursus dan penyelidikan. Pusat Pengajian Siswazah bertindak sebagai penyelaras program yang ditawarkan oleh fakulti. Pada 2006, seramai 127 orang pelajar telah mendaftar bagi mengikuti program Sarjana (101 pelajar) dan Doktor Falsafah (26 pelajar). Program pasca-siswazah juga menarik minat pelajar antarabangsa dari negara Indonesia, Iran, India dan Pakistan.

Postgraduate Students

The university also offers Post Graduate Programmes. The Centre for Graduate Studies is responsible for administrating the programmes which are offered by all faculties. A total of 127 students enrolled for Masters (101 students) and PhD programmes (26 students). Among the post graduate students are international students who come from Indonesia, Iran, India and Pakistan.



Penerbitan Universiti

Penerbitan ilmiah amat signifikan bagi sesebuah universiti. Aktiviti-aktiviti penerbitan di UTeM disokong oleh Penerbit Universiti yang memainkan peranan secara aktif dengan menerbitkan buku, e-buku, laporan tahunan, prosiding, media interaktif (CD), buletin berkala, hasilan grafik serta bahan-bahan terbitan bersiri.

Universiti telah menghasilkan terbitan berkala iaitu Momentum dan Synergy. Momentum adalah buletin UTeM manakala Synergy adalah majalah informasi Pusat Universiti Industri (UNIC).

Publication

